



SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 46/2020

RUJUKAN : 7 MEI 2020



BANCIS
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Penularan pandemik COVID-19 turut menggugat landskap kesihatan ekonomi. Dalam mendepani cabaran ini, kerajaan Malaysia bertindak proaktif dengan merancang ekonomi menerusi pengenalan beberapa fasa. Fasa pertama melibatkan langkah penyelesaian (*resolve*), iaitu ketika negara memulakan Perintah Kawalan Pergerakan manakala fasa kedua pula adalah daya tahan (*resilience*), menerusi pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang memberi fokus kepada kesejahteraan rakyat serta sektor ekonomi. Kini, negara sedang melalui fasa ketiga apabila kerajaan bersedia membuka semula ekonomi dengan kawalan dan impaknya dijangka akan mengambil masa sekurang-kurangnya dalam tempoh sebulan. Pembentangan Belanjawan 2021 dilihat sebagai fasa yang sangat penting bagi mengaktifkan ekonomi seterusnya membawa kepada halatuju kelangsungan pertumbuhan dan peningkatan produktiviti negara.

Jika dilihat daripada status statistik COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 7 Mei 2020, sebanyak 74 kes pulih direkodkan manakala catatan jangkitan baharu meningkat 39 kes. Ini menjadikan **kumulatif kes sembah bertambah kepada 4,776** atau 73.85 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,584 kes aktif dengan kebolehjangkitan**, sementara jumlah jangkitan positif meningkat kepada **6,467 kes**. Lima negeri telah menyumbang kepada **pertambahan harian kes baharu** iaitu **W.P. Kuala Lumpur sebanyak 20 kes**, diikuti Selangor (16 kes), Sarawak (1 kes), Sabah (1 kes) dan Melaka (1 kes). Selain itu, tiada kematian terbaharu dicatatkan dan jumlah keseluruhan kekal **107 kes kematian** seperti pada Jadual 1.

Statistik pecahan **kumulatif kes aktif mengikut daerah** menunjukkan **10 daerah** kekal dikategorikan sebagai zon merah (41 kes ke atas). Sehingga 6 Mei 2020, **kawasan** yang masih merekodkan **catatan kes aktif yang tinggi** iaitu melepas 100 kes adalah **Ibu Kota dengan 155 kes**. Sementara itu, **sejumlah 111 daerah dan kawasan** berada dalam kelompok **zon hijau** atau **tanpa kes aktif**. Semua daerah di Kedah, Kelantan, Perlis, Perak, Pulau Pinang dan W.P Labuan kekal dengan tiada catatan rekod kes aktif sekurang-kurang dalam **tempoh 10 hari**.

Di peringkat global, jumlah jangkitan COVID-19 telah meningkat kepada **3,748,959 kes** dengan melibatkan **263,146 kematian**. Amerika Syarikat (AS) mendominasi bilangan kes positif sebanyak **1,227,430 kes** disusuli oleh Sepanyol dengan **220,325 kes** dan Itali (214,457 kes). Sebanyak 10 negara telah merekodkan kes positif melebihi 100 ribu kes. Di peringkat ASEAN, **Singapura merekodkan 20,198 kes** jangkitan mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (12,438 kes), SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19: STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

Filipina (10,004 kes) termasuk Malaysia (6,467 kes). Sementara itu, **27.8 peratus** daripada keseluruhan kes kematian dunia akibat jangkitan wabak ini didominasi oleh **Amerika Syarikat** diikuti United Kingdom yang mencatatkan 11.5 peratus dan Itali (11.3 peratus). Jumlah kes sembah yang direkodkan sehingga kini adalah 1,238,453 kes dengan peratusan sebanyak 33.03 peratus seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada pelbagai sumber berita memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

AS: Majikan swasta telah melepaskan sejumlah 20.24 juta pekerja pada April 2020 akibat penutupan perniagaan bagi mengekang penularan pandemik COVID-19. Ini menyebabkan kehilangan pekerjaan yang bersejarah dalam pasaran buruh pada bulan lalu. Angka yang mengejutkan ini **seiring dengan statistik permohonan tuntutan faedah pengangguran di AS sebanyak 30.3 juta** semenjak 21 Mac yang lepas. Pemberhentian pekerja bulan lepas berlaku di semua saiz perniagaan iaitu di perusahaan kecil, sederhana dan besar. **Industri rekreasi dan perhotelan telah melepaskan sejumlah 8.6 juta pekerja** pada April 2020, menyumbang 40 peratus kehilangan pekerjaan di sektor swasta. **Sektor pembuatan kehilangan 1.7 juta manakala sektor pembinaan kehilangan 2.5 juta pekerjaan.** Dengan peningkatan kehilangan pekerjaan, dijangka **kadar pengangguran AS melonjak kepada 16 peratus pada April 2020**, yang merupakan tertinggi melangkaui kadar pengangguran 10.8 peratus yang dicatatkan pada 1982, iaitu yang tertinggi selepas Perang Dunia Kedua. (Reuters)

EU: Sektor pembuatan Jerman dijangka menjunam akibat penurunan pengeluaran. Ifo Institute menyatakan indeks pengeluaran industri pada 3 bulan kehadapan ekonomi terbesar Eropah, **Jerman mencatatkan kejatuhan -51.4 mata pada April dari -21.4 mata pada bulan sebelumnya.** Penurunan ini adalah paling rendah berbanding -42.9 mata pada Disember 2008 semasa krisis kewangan global. (Reuters)

AUSTRALIA: Lebihan perdagangan Australia melonjak dan merekodkan kenaikan dagangan komoditi emas akibat peningkatan permintaan dari China. Lebihan perdagangan Australia **melonjak pada bulan Mac apabila penghantaran bijih besi ke China melonjak dan eksport emas meningkat tiga kali ganda.** **Eksport bijih besi meningkat satu per tiga** menjadikan nilai dieskport meningkat kepada Australia\$11.6 bilion manakala **eksport komoditi emas melonjak 225 peratus kepada Australia\$3.6 bilion.** Selain itu, eksport gas asli cecair (LNG) dan arang batu turut mengalami peningkatan pada bulan rujukan. Sementara itu, lebihan perkhidmatan turut meningkat akibat COVID-19 yang mendorong rakyat Australia untuk membatalkan rancangan perjalanan dan duduk di rumah. **Hasil terimaan (kredit) pelancongan turun Australia\$734 juta pada bulan Mac 2020 manakala aliran keluar (debit) merosot Australia\$1.5**

bilion. Secara keseluruhan, lebihan perdagangan meningkat 174 peratus kepada Australia\$10.6 bilion (AS\$ 6.79 bilion) pada bulan Mac, merupakan terbesar dan jauh melebihi ramalan Australia\$6.8 bilion. Kadar pertumbuhan eksport melonjak 15.1 peratus, sementara import turun 3.6 peratus. Pakar ekonomi di Capital Economics menganggarkan peningkatan ini menyumbang 0.4 peratus kepada pertumbuhan KDNK Australia pada suku pertama 2020. **Bagi suku kedua 2020, dijangka eksport dalam jajaran meningkat didorong oleh peningkatan semula aktiviti pengeluaran ekonomi China manakala import cenderung untuk merosot akibat krisis COVID-19 di domestik.** (Reuters)

CHINA: Eksport China mencatatkan kenaikan yang tidak dijangka pada bulan April walaupun global sedang dilanda krisis virus COVID-19. Agensi Kastam China melaporkan peningkatan 3.5 peratus (*YoY*) eksport pada **April 2020 berbanding kejatuhan -6.6 peratus pada bulan sebelumnya.** Sementara itu **import turun -14.2 peratus berbanding -11.2 peratus** yang diunjurkan penganalisis. Menurut pakar ekonomi di Australia & New Zealand Banking Group, **penurunan yang dicatatkan ini didorong oleh penurunan harga komoditi apabila perangkaan menunjukkan volum sebenar import meningkat.** Peningkatan eksport pula mencerminkan peningkatan akibat memenuhi permintaan tertahan (memenuhi pesanan eksport terdahulu) ke atas produk elektronik pengguna. Selain itu, **norma baharu bekerja-dari-rumah global turut dijangka menyumbang kepada peningkatan sebahagian produk-produk elektronik pengguna.** Imbangan perdagangan China pada April berjumlah AS\$45.34 bilion, berbanding AS\$19.93 bilion pada bulan Mac. Sementara itu, sektor pembuatan China dilihat menunjukkan peningkatan apabila **PMI Sektor Pembuatan Caixin China bagi bulan April 2020 meningkat 44.4 berbanding 43 pada bulan yang lalu.** (Investing.com)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

- 1) Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Carousell telah melancarkan inisiatif **Geran Perniagaan #TetapBuka Carousell bernilai RM1 juta untuk menyokong peruncit Malaysia dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS)** yang terjejas akibat PKP yang berpanjangan.
- 2) Kerajaan membuat **penangguhan bagi pelaksanaan penetapan harga baru bagi kenderaan yang dibina sepenuhnya (CBU)** yang diimport hingga 31 Disember 2020.
- 3) **Stok minyak sawit Malaysia** dijangka akan berada pada tahap tertinggi pada bulan April sejak Disember 2019, dengan **peningkatan 14 peratus** bulan ke bulan kepada **1.97 juta tan** disebabkan oleh peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah (MSM).
- 4) **Eksport China meningkat** di luar jangkaan pada April disokong oleh **penghantaran kukuh ke Asia Tenggara**, meskipun pandemik COVID-19 menjelaskan permintaan global. Penghantaran **ke ASEAN meningkat 3.9 peratus** dalam empat bulan 2020. Eksport China **ke Kesatuan Eropah (EU)** jatuh **6.6 peratus**, sementara **ke Amerika Syarikat susut 15.9 peratus**.
- 5) Penanda aras minyak mentah global, **Brent Crude dijangka berlegar pada paras purata di bawah AS\$40 setong** tahun ini berikutan jumlah simpanan kekal tinggi. **Petronas** mengambil pendirian untuk menyertai langkah yang dilaksanakan Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum dan sekutunya (OPEC+) untuk **komited mengurangkan 23 peratus output bermula Mei 2020**.
- 6) **Sektor pelancongan** khususnya **industri perhotelan** antara yang terjejas teruk akibat wabak Covid-19. Kajian oleh Persatuan Hotel Malaysia (MAH) mencatatkan **50 peratus pengendali hotel mempertimbangkan untuk menutup premis** dan mendapat **20 peratus pekerja sudah dipotong gaji, 26 peratus cuti tanpa gaji dan 6 peratus diberhentikan kerja**. 93 peratus hotel di Malaysia memerlukan minimum enam bulan subsidi upah daripada kerajaan untuk bertahan.
- 7) **Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA)** tidak menyokong langkah **penjarakan sosial** dengan mengosongkan tempat duduk tengah kerana kos unit akan meningkat dengan ketara di mana **tambang udara perlu naik antara 43 peratus hingga 54 peratus bagi menampung kos**. Jika syarikat penerbangan tidak dapat menutup

kerugian dengan tambang yang tinggi, maka ia akan berdepan **risiko bankrap**.

- 8) **FELDA salur bantuan asas makanan kepada 112,638 peneroka** yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) **menerusi peruntukan berjumlah RM5.6 juta**. Bantuan bernilai **RM50** mengandungi makanan keperluan asas seperti beras, gula pasir dan minyak masak dilaksanakan melalui kedai D'Mart di kawasan rancangan FELDA.
- 9) Aplikasi dan portal Tenaga Nasional Berhad (TNB), **myTNB mencatat hampir 50 peratus peningkatan pendaftaran akaun pelanggan** sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Aplikasi ini merupakan saluran alternatif kepada **9.28 juta pelanggan TNB untuk membayar bil** dengan selamat tanpa perlu keluar dari rumah.
- 10) Kerajaan Sarawak telah mengenalpasti **101 projek bernilai RM16.828 bilion** yang beroperasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di mana 42 daripadanya bernilai RM16.6 bilion melibatkan peruntukan kerajaan negeri, persekutuan, projek rakyat dan dana alternatif. **59 projek transformasi luar bandar** bernilai RM22.8 juta turut **dibenarkan beroperasi** di kawasan zon hijau.
- 11) **Eksport ikan di Sabah mengalami penurunan** sepanjang tempoh PKP kesan daripada **kurang permintaan** di kalangan pengguna di Semenanjung Malaysia, Sarawak, Filipina dan Indonesia.
- 12) **Keuntungan bersih Westports Holdings Bhd melonjak 9 peratus** kepada RM152.81 juta daripada RM139.90 juta bagi suku pertama yang berakhir pada 31 Mac 2020 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya, **disebabkan oleh kenaikan tarif kontena pada bulan Mac 2019**. Namun, Westports Holdings Bhd **mengendalikan jumlah kontena yang lebih rendah** pada suku pertama 2020, **menurun 8 peratus** kepada 1.58 juta (TEU).
- 13) **Indeks jenayah turun 49.1 peratus** iaitu 5,098 kes berbanding 10,368 kes bagi tempoh 31 Januari sehingga 17 Mac 2020. Daripada 5,098 kes yang direkodkan sepanjang PKP, sebanyak 97 kes melibatkan jenayah kekerasan manakala 4,308 kes berkaitan jenayah harta benda dan selebihnya jenayah lain.
- 14) Dianggarkan **15 peratus daripada 2,300 ahli Persatuan Hotel Bajet Malaysia** (Mybha) terpaksa mengambil keputusan untuk menutup terus operasi dan menutup sementara hotel mereka.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The EDGE	<p>CIDB introduces initiatives to ease burden of construction industry players</p> <p>The Construction Industry Development Board (CIDB) has introduced several initiatives to ease the burden of contractors and construction industry players affected by the Movement Control Order following the COVID-19 pandemic.</p> <p>Among the initiatives are a two-month deferment of levy payment for private sector projects announced between Jan 1 and May 31, 2020; relaxation of contractor registration conditions by exempting the requirement for Continuous Contractor Development points for new registrations for the April-December 2020 period; postponement of the MCORE evaluation requirement for G1 contractors until 2021; and waiver of Management Efficiency Certificate and Integrity Course requirements for the period of April 1 to Dec 31, 2020.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/cidb-introduces-initiatives-ease-burden-construction-industry-players
2.	The EDGE	<p>MDEC & Carousell launch RM1m initiative to assist retailers and SMEs</p> <p>Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) and classifieds marketplace Carousell have launched the #TetapBuka Carousell Business Grants initiative worth RM1 million to</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/mdec-carousell-launch-rm1m-initiative-assist-retailers-and-smes

		<p>support Malaysian retailers and small and medium-sized enterprises (SMEs) affected by the continuing Movement Control Order (MCO).</p> <p>In a statement, MDEC Chief Executive Officer Surina Shukri said the Covid-19 pandemic is fast-tracking the digital transformation and bringing mass digital adoption in businesses, and it is MDEC's ongoing mission to empower these Malaysian businesses to be digitally-powered businesses and succeed in the digital economy.</p> <p>Those in non-essential areas are unable to conduct business-as-usual, hence we hope the #TetapBuka Carousell Business Grants we are providing will help sustain local businesses of all sizes, by providing strategic support and resources to help them reach their customers, while reducing costs where possible.</p>	
3.	Berita Harian	<p>PKS perlu radikal tingkat teknologi digital - Mustapa Mohamed</p> <p>Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) digesa supaya lebih radikal untuk meningkatkan kemahiran teknologi digital agar seiring dengan negara maju yang lain.</p> <p>Ini dinyatakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed setelah mendapati ada PKS yang belum memahami teknologi</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2020/05/686362/pks-perlu-radikal-tingkat-teknologi-digital-mustapa-mohamed

		<p>ini sekali gus gagal memanfaatkannya.</p> <p>Mengambil contoh, bazar dalam talian, 'Agrobazaar Online' kendalian Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mencatatkan jualan memberangsangkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p>	
--	--	--	--

Penemuan penting & isu:

- Artikel 1 –Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah memperkenalkan inisiatif bagi mengurangkan beban kontraktor dan penggiat industri pembinaan yang telah terjejas akibat pandemik COVID-19.
- Artikel 2 - Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Carousell telah melancarkan inisiatif Geran Perniagaan #TetapBuka Carousell bernilai RM1 juta untuk menyokong peruncit Malaysia dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terjejas akibat PKP yang berpanjangan.

Maklumbalas Bahagian:

- Inisiatif yang diperkenalkan CIDB akan dapat membantu syarikat pembinaan yang telah terjejas dan secara tidak langsung dapat membantu perkembangan sektor Pembinaan. Pada tahun 2019, nilai ditambah sektor ini merekodkan pertumbuhan perlahan 0.1 peratus berbanding 4.2 peratus pada tahun sebelumnya.
- Inisiatif yang diperkenalkan oleh agensi berkaitan akan dapat membantu PKS untuk kekal berdaya saing dalam pasaran yang kini ke arah transformasi perniagaan digital. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan sumbangan e-dagang kepada ekonomi Malaysia. Sumbangan e-dagang kepada KDNK Malaysia merekodkan 8.0 peratus pada tahun 2018 berbanding 7.8 peratus pada tahun sebelumnya.

B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	The Star	<p>Prices of imported CBU cars to stay</p> <p>Prices of imported completely-built-up (CBU) vehicles will remain the same this year, as the government has postponed</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/05/07/prices-of-imported-cbu-cars-to-stay

		<p>implementing a new formula on duties for CBU cars until Dec 31,2020.</p> <p>The revised formula on CBU vehicles was initially supposed to be implemented from June 1. Under the new formula, prices would be determined by the exchange rate of the day the shipment of the vehicle arrives, with customs determining the calculation of CBU prices.</p>	
2.	The Star	<p>Palm oil inventory seen at highest level in April</p> <p>Malaysian palm oil stocks is likely to be at the highest level in April since December 2019, up by 14% month-on-month to 1.97 million tonnes due to stronger crude palm oil (CPO) output.</p> <p>CGS-CIMB Futures survey revealed that Malaysia's crude palm oil (CPO) output likely grew by 19% month-on-month (m-o-m) to 1.66 million tonnes in April due to a seasonal recovery in fresh fruit bunch (FFB) yields, recovery of crops from shutdowns in March from the movement control order (MCO) in some areas and low production base in March.</p>	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/05/07/palm-oil-inventory-seen-at-highest-level-in-april#cxrecs_s
3.	Berita Harian	<p>PETRONAS berupaya depani harga minyak rendah - Moody's</p> <p>Penarafan terhadap syarikat-syarikat minyak nasional (NOC) di Asia, termasuk PETRONAS, berada dalam kedudukan yang</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/05/686327/petronas-berupaya-depani-harga-minyak-rendah-moodys

		baik untuk mengharungi harga minyak yang rendah. Ia akan disokong oleh dana negara yang kukuh, kata sebuah syarikat penarafan kredit antarabangsa.	
--	--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan membuat penangguhan bagi pelaksanaan penetapan harga baru bagi kenderaan yang dibina sepenuhnya (CBU) yang diimport hingga 31 Disember 2020.
2. Stok minyak sawit Malaysia dijangka akan berada pada tahap tertinggi pada bulan April sejak Disember 2019, dengan peningkatan 14% bulan ke bulan kepada 1.97 juta tan disebabkan oleh peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah (MSM).
3. PETRONAS berupaya menghadapi krisis harga minyak rendah dengan bantuan dana oleh Kerajaan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penangguhan penetapan harga baru bagi duti eksais terhadap kenderaan import CBU akan memberi kesan positif kepada prestasi aktiviti jualan kenderaan import di Malaysia.
2. Peningkatan stok minyak sawit Malaysia secara tidak langsung akan memberi kesan kepada harga dan jualan minyak sawit.
3. Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dilaksanakan bermula 4 Mei 2020 memberi peluang kepada pengguna menikmati penurunan harga petrol dan ini akan menyebabkan pertambahan pergerakan kenderaan di jalan raya serta dapat memulihkan semula aktiviti jualan runcit bahan api kenderaan di stesen minyak.

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)

Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>COVID-19: Eksport China meningkat mengejut pada April</p> <p>Eksport China meningkat di luar jangkaan pada April disokong oleh penghantaran kukuh ke Asia Tenggara, meskipun pandemik COVID-19 menjaskan permintaan global. Bagaimanapun, peningkatan itu dijangka berlaku untuk tempoh sementara.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/686281/covid-19-eksport-china-meningkat-mengejut-pada-april

		<p>Eksport China dalam denominasi dolar Amerika Syarikat (AS) meningkat 3.5 peratus pada April 2020, sementara import jatuh 14.2 peratus. Eksport China biasanya bermula perlahan pada suku pertama kerana Tahun Baru Cina dan kemudian meningkat bermula April.</p> <p>Penghantaran ke ASEAN meningkat 3.9 peratus dalam empat bulan 2020. Eksport China ke Kesatuan Eropah (EU) jatuh 6.6 peratus, sementara ke AS susut 15.9 peratus.</p>	
2.	Berita Harian	<p>Harga minyak bawah AS\$40 keseluruhan tahun ini - Maybank IB</p> <p>Penanda aras minyak mentah global, Brent Crude dijangka berlegar pada paras purata dibawah AS\$40 setong tahun ini berikutan jumlah simpanan kekal tinggi.</p> <p>Pengurangan bekalan akan bermula pada Mei susulan persetujuan Pertubuhan Negara Pengekspor Petroleum dan sekutunya (OPEC+) untuk mengurangkan pengeluaran sebanyak 9.7 juta tong sehari.</p> <p>Petronas mengambil pendirian sama, dengan menyertai langkah yang dilaksanakan OPEC+ untuk komited</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/686163/harga-minyak-bawah-as40-keseluruhan-tahun-ini-maybank-ib

		mengurangkan 23 peratus output bermula Mei.	
--	--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Eksport China meningkat di luar jangkaan pada April disokong oleh penghantaran kukuh ke Asia Tenggara, meskipun pandemik COVID-19 menjelaskan permintaan global. Penghantaran ke ASEAN meningkat 3.9 peratus dalam empat bulan 2020. Eksport China ke Kesatuan Eropah (EU) jatuh 6.6 peratus, sementara ke Amerika Syarikat susut 15.9 peratus.
2. Penanda aras minyak mentah global, Brent Crude dijangka berlegar pada paras purata di bawah AS\$40 setong tahun ini berikutan jumlah simpanan kekal tinggi. Petronas mengambil pendirian untuk menyertai langkah yang dilaksanakan Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum dan sekutunya (OPEC+) untuk komited mengurangkan 23 peratus output bermula Mei.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai import eksport dari/ke China mengikut seksyen barang pada tahun 2019.

SITC	SEKSYEN BARANGAN	IMPORT	EKSPORT
0	Makanan	6,139,563,551	3,884,973,737
1	Minuman dan tembakau	166,585,914	155,250,215
2	Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan	1,625,751,903	11,185,566,152
3	Bahan api galian, pelincir, dll.	12,199,524,421	20,258,202,422
4	Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	498,883,132	5,768,077,519
5	Bahan kimia	16,679,581,982	21,070,518,911
6	Barang-barang keluaran kilang	27,845,026,331	12,183,519,028
7	Jentera & kelengkapan pengangkutan	90,008,983,869	53,733,659,907
8	Pelbagai barang keluaran kilang	18,676,043,375	11,037,735,107
9	Pelbagai urus niaga dan barang	1,749,344,070	328,639,682
JUMLAH		175,589,288,548	139,606,142,680

China merupakan rakan dagangan Malaysia. Pada tahun 2019, nilai import dari China berjumlah RM175.6 bilion. Pada bulan Mac 2020, import dari China bernilai RM13.9 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, import dari China meningkat RM160.1 juta atau 1.2% daripada RM13.8 bilion.

Manakala, nilai eksport ke China pada tahun 2019 berjumlah RM139.6 bilion. Pada bulan Mac 2020, eksport ke China bernilai RM11.0 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, eksport ke China jatuh sebanyak RM713.0 juta atau 6.1% daripada RM11.7 bilion.

2. Nilai import minyak mentah (HS 2709) bernilai RM26.8 bilion. Antara sumber utama import ialah Arab Saudi (RM9.3 bilion, 34.8%), Emiriah Arab Bersatu (RM4.3 bilion, 15.9%) dan Venezuela (RM2.5 bilion, 9.5%). Pada bulan Mac 2020, Malaysia mengimport minyak mentah bernilai RM4.1 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, import minyak mentah meningkat RM1.8 bilion atau 81.0% daripada RM2.3 bilion. Manakala, nilai eksport minyak mentah pada tahun 2019 bernilai RM29.1 bilion. Tiga destinasi utama eksport Malaysia ialah Australia (RM7.2 bilion, 24.8%), India (RM6.6 bilion, 22.7%) dan Thailand (RM5.8 bilion, 20.0%). Pada bulan Mac 2020, Malaysia mengeksport minyak mentah bernilai RM2.4 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, eksport minyak mentah jatuh sebanyak RM122.1 juta atau 4.9% daripada RM2.5 bilion.
3. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak COVID-19.

D.	Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro	REHDA, MBAM Mahu Kerajaan Tanggung Kos Saringan Pekerja Pembinaan PERSATUAN Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) dan Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia (MBAM) merayu kerajaan untuk menanggung kos penuh ujian saringan Covid-19 bagi semua pekerja agar membolehkan lebih ramai pekerja dapat memulakan kerja di tapak pembinaan dan merancakkan semula aktiviti industri.	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/05/575501/rehda-mbam-mahu-kerajaan-tanggung-kos-saringan-pekerja-pembinaan
Penemuan penting & isu: <ol style="list-style-type: none"> 1. Pada kadar pasaran semasa, kos bagi setiap ujian adalah sekitar RM350 hingga RM650 seorang (bergantung kepada kuantiti). Kos tinggi ujian bagi 			

setiap orang itu diterjemahkan kepada jumlah besar yang perlu dibiayai kontraktor, kerana tapak pembinaan biasanya mempunyai beratus-ratus pekerja.

Maklumbalas Bahagian;

1. Bahagian akan memberi perhatian kepada peningkatan kos input sektor pembinaan dalam survei jabatan

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro	<p>Hotel dah jadi 'rumah hantu'</p> <p>COVID-19 dilihat telah menjaskan sektor pelancongan dengan ketara khususnya industri perhotelan. Kajian oleh Persatuan Hotel Malaysia (MAH) mencatatkan 50% pengendali atau pemilik hotel mempertimbangkan untuk menutup premis iaitu 15% ditutup secara kekal dan 35% ditutup sementara. Tinjauan juga mendapati 20% pekerja sudah diberi potongan gaji, 26% cuti tanpa gaji dan 6% diberhentikan kerja. 93% hotel memerlukan minimum enam bulan subsidi upah daripada kerajaan untuk bertahan dan selebihnya meminta subsidi lebih tinggi daripada jumlah yang ditawarkan kerajaan.</p>	https://www.hmetro.com.my/utama/2020/05/575542/hotel-dah-jadi-rumah-hantu
2.	Harian Metro	<p>Jejas ekonomi penerbangan</p> <p>Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) tidak menyokong langkah mewajibkan penjarakan sosial dalam pesawat dengan mengosongkan tempat duduk tengah kerana ia tidak mencapai pengasingan seperti disyorkan sedangkan lebar tempat duduk rata-rata kurang</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2020/05/575573/jejas-ekonomi-penerbangan

		<p>daripada 50 sentimeter. Jika tempat duduk untuk dijual berkurangan, kos unit akan meningkat dengan ketara. Jika dibandingkan dengan tahun lalu, tambang udara perlu naik secara mendadak antara 43% - 54% hanya untuk menampung kos. Jika syarikat penerbangan tidak dapat menutup kerugiannya dengan tambang yang tinggi, maka ia akan berdepan risiko bankrap. Tiada pilihan yang baik ketika dunia memerlukan satu kesalinghubungan yang kukuh untuk membantu memulakan pemulihian daripada kemelesetan ekonomi akibat COVID-19.</p>	
3.	Berita Harian	<p>AirAsia lanjut tempoh sah akaun kredit, tukar penerbangan tanpa had</p> <p>AirAsia melanjutkan tempoh sah akaun kredit sehingga dua tahun, selain memberi pilihan pertukaran penerbangan tanpa had kepada pelanggannya. Syarikat penerbangan tambang rendah dalam satu kenyataan, berkata pelanggan yang mempunyai tempahan penerbangan sedia ada dibuat pada atau sebelum 17 April 2020 dengan tarikh penerbangan antara 23 Mac 2020 dan 30 Jun 2020 kini boleh membuat dua pilihan. Pilihan pertama adalah pertukaran tarikh penerbangan tanpa had sebelum 31 Oktober 2020 di laluan dan tanpa bayaran tambahan tertakluk kepada ketersediaan tempat duduk. Pilihan kedua adalah akaun kredit iaitu nilai</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/05/685995/airasia-lanjut-tempoh-sah-akaun-kredit-tukar-penerbangan-tanpa-had

		tambang tempahan pelanggan kekal ke dalam akaun Ahli AirAsia BIG yang boleh ditebus dalam masa dua tahun bermula dari tarikh yang dikreditkan untuk perjalanan masa akan datang.	
--	--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Akhbar 1: Sektor pelancongan khususnya industri perhotelan antara yang terjejas teruk akibat wabak COVID-19. Kajian oleh Persatuan Hotel Malaysia (MAH) mencatatkan 50% pengendali hotel mempertimbangkan untuk menutup premis dan mendapati 20% pekerja sudah dipotong gaji, 26% cuti tanpa gaji dan 6% diberhentikan kerja. 93% hotel di Malaysia memerlukan minimum enam bulan subsidi upah daripada kerajaan untuk bertahan.
2. Akhbar 2: Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) tidak menyokong langkah penjarakan sosial dengan mengosongkan tempat duduk tengah kerana kos unit akan meningkat dengan ketara di mana tambang udara perlu naik antara 43% hingga 54% bagi menampung kos. Jika syarikat penerbangan tidak dapat menutup kerugiannya dengan tambang yang tinggi, maka ia akan berdepan risiko bankrap.
3. Akhbar 3: Pelanggan AirAsia yang mempunyai tempahan penerbangan yang dibuat pada atau sebelum 17 April dengan tarikh penerbangan antara 23 Mac dan 30 Jun 2020 kini boleh membuat pilihan antara pertukaran tarikh penerbangan tanpa had sebelum 31 Oktober 2020 dan akaun kredit dalam akaun Ahli AirAsia BIG dilanjutkan kepada dua tahun

Maklumbalas Bahagian:

1. Akhbar 1: Kejatuhan prestasi industri perhotelan di Malaysia akibat penularan COVID-19 akan memberi kesan dalam komponen Perjalanan. Pada 2019, Perjalanan mencatatkan lebih RM30.9 bilion dengan eksport sebanyak RM82.1 bilion dan import pula ialah RM51.2 bilion.
2. Akhbar 2 dan 3: Tambang yang tinggi susulan langkah mewajibkan pengosongan tempat duduk tengah pesawat dan tindakan AirAsia yang melanjutkan tempoh sah akaun kredit dan tukar penerbangan tanpa had kepada pelanggannya bakal mempengaruhi komponen Pengangkutan. Pada 2019, eksport Pengangkutan mencatatkan RM21.6 bilion dan import ialah RM47.4 bilion. Manakala, eksport pengangkutan udara menyumbangkan sebanyak RM12.7 bilion dan import RM15.0 bilion.

F.	Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Sun Daily	<p>Tariff hike boosts Westports' Q1 earnings by 9%</p> <p>Westports Holdings Bhd's net profit for the first quarter ended March 31, 2020 (Q1) jumped 9% to RM152.81 million from RM139.90 million a year ago mainly contributed by the container tariff hike in March 2019.</p> <p>However, Westports handled marginally lower container throughput of 2.52 million twenty-foot equivalent units (TEU) in Q1 with a noticeable reduction in transhipment containers of 8% to 1.58 million TEUs while gateway volume was at 0.94 million TEUs.</p> <p>The company expects the major effects of the COVID-19 pandemic to hit the group in April and continue throughout Q2 of 2020.</p> <p>Malaysia, Singapore, South East Asia, and countries further abroad, from India to the European Union and North America, have various lockdown arrangements or movement restrictions in the Q2 of 2020 that would have severely curtailed economic activities from consumption to investments to production related activities. This reduction in consumption and capital</p>	https://www.thesunday.my/business/tariff-hike-boosts-westports-q1-earnings-by-9-MB2377934

		expenditure at this scale is bound have an impact on all ports worldwide.	
2.	Bernama	<p>FELDA salur bantuan asas makanan kepada peneroka</p> <p>Seramai 112,638 peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menerima bantuan asas makanan menerusi peruntukan berjumlah RM5.6 juta.</p> <p>Pengarah Besar FELDA berkata bantuan berupa pek bernilai RM50 yang mengandungi makanan keperluan asas seperti beras, gula pasir dan minyak masak itu dilaksanakan bermula semalam hingga 13 Mei ini melalui kedai D'Mart di kawasan rancangan FELDA.</p>	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1839343
3.	Bernama	<p>Pendaftaran aplikasi dan portal MyTNB catat peningkatan 50 peratus</p> <p>Aplikasi dan portal Tenaga Nasional Berhad (TNB), myTNB mencatat hampir 50 peratus peningkatan pendaftaran akaun pelanggan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa 18 Mac lepas.</p> <p>Ketua Pegawai Runcit TNB dalam satu kenyataan hari ini berkata, menerusi penawaran myTNB, ia saluran alternatif kepada 9.28 juta pelanggan TNB untuk membayar</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1839333

	<p>bil dengan selamat tanpa perlu keluar dari rumah.</p> <p>Pendaftaran akaun pelanggan menerusi myTNB telah meningkat 47.8 peratus kepada 3,331,156 bermula 18 Mac sehingga 3 Mei berikutan ramai pelanggan yang duduk di rumah memilih untuk melakukan pelbagai transaksi berkaitan TNB menggunakan portal dan aplikasi itu.</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Keuntungan bersih Westports Holdings Bhd melonjak 9% kepada RM152.81 juta daripada RM139.90 juta bagi suku pertama yang berakhir pada 31 Mac 2020 (Q120) berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya, disebabkan oleh kenaikan tarif kontena pada bulan Mac 2019. Namun, Westports Holdings Bhd mengendalikan jumlah kontena yang lebih rendah pada Q120, menurun 8% kepada 1.58 juta *twenty-foot equivalent units* (TEU). Syarikat itu menjangkakan wabak COVID-19 akan memberi kesan kepada syarikat tersebut pada bulan April dan berterusan sepanjang Q220.
2. FELDA salur bantuan asas makanan kepada 112,638 peneroka yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menerusi peruntukan berjumlah RM5.6 juta. Bantuan bernilai RM50 mengandungi makanan keperluan asas seperti beras, gula pasir dan minyak masak dilaksanakan bermula semalam hingga 13 Mei ini melalui kedai D'Mart di kawasan rancangan FELDA.
3. Aplikasi dan portal Tenaga Nasional Berhad (TNB), myTNB mencatat hampir 50 peratus peningkatan pendaftaran akaun pelanggan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa 18 Mac lepas. Aplikasi ini merupakan saluran alternatif kepada 9.28 juta pelanggan TNB untuk membayar bil dengan selamat tanpa perlu keluar dari rumah.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pelaksanaan kawalan pergerakan di Malaysia serta kepelbagaian *lockdown* di beberapa negara lain di dunia seperti Singapura, Asia Tenggara, India, Kesatuan Eropah dan Amerika Utara menyebabkan aktiviti ekonomi terbatas yang memberi kesan kepada penggunaan, pelaburan serta pengeluaran. Justeru penguncutan aktiviti ekonomi ini pada skala global memberi kesan kepada aktiviti pelabuhan di seluruh dunia.
2. Perintah Kawalan Pergerakan (PKPB) memberi kesan kepada peneroka FELDA. Oleh itu, inisiatif FELDA mengagihkan bantuan makanan asas bernilai RM5.6 juta kepada 112,638 peneroka secara tidak langsung

<p>mengurangkan beban perbelanjaan peneroka yang terjejas akibat pandemic COVID-19.</p>			
G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian	<p>Skim harga kawalan sempena Aidilfitri tetap dilaksana</p> <p>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) terus melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan sempena Aidilfitri tahun ini biarpun berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/686376/skim-harga-kawalan-sempena-aidilfitri-tetap-dilaksana
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 11 barang basah seperti ayam, telur, daging akan dikawal dan ditetapkan harga maksimum oleh KPDNHEP berikutan barang tersebut selalu naik harga pada musim perayaan. Senarai akhir barang kawalan harga akan diumumkan dalam masa terdekat. 			
<p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> Bahagian mengambil maklum kawalan harga bagi 11 barang keperluan harian pada musim perayaan dijangka akan memberi tekanan yang perlahan kepada IHP terutamanya bagi kumpulan 01- Makanan dan minuman bukan alkohol. Dengan ini, pengenalan kawalan harga maksimum ini akan memberi tekanan yang rendah kepada inflasi. 			
H.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro	<p>Tiada pemotongan bekalan air sepanjang PKP</p> <p>Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) sentiasa berusaha meringankan beban rakyat berhubung isu bil air apabila memanjangkan tempoh bayaran bil sehingga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/575780/tiada-pemotongan-bekalan-air-sepanjang-pkp

2.	Berita Harian	<p>COVID-19: Kluster baharu babitkan warga asing di Cheras</p> <p>Kementerian Kesihatan memaklumkan terdapat satu kluster baharu yang membabitkan pengawal dan anggota keselamatan di sebuah pusat beli-belah di Cheras, Kuala Lumpur yang kini sudah menjangkiti 10 individu.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/686262/covid-19-kluster-baharu-babitkan-warga-asing-di-cheras
3.	Harian Metro	<p>Gelandangan hadiri temu duga kerja</p> <p>Sebahagian daripada 800 gelandangan di sekitar ibu kota yang ditempatkan di Pusat Penempatan Sementara sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berpeluang menjalani proses temu duga kerja bermula hari ini hingga Selasa depan.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/575797/gelandangan-hadiri-temu-duga-kerja
4.	Harian Metro	<p>3 bantuan untuk rakyat</p> <p>Lebih 96 peratus daripada 41,386 responden Survei Khas Kesan COVID-19 Kepada Ekonomi dan Individu (Pusingan 2) yang dilaksanakan bulan lalu oleh Jabatan Perangkaan Malaysia mengakui berpuas hati dan memperoleh faedah daripada Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin).</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/575516/ada-dapat-3-bantuan
5.	Harian Metro	<p>Tiada lagi zon merah di Negeri Sembilan</p> <p>Tiada lagi status zon merah wabak COVID-19 di Negeri Sembilan selepas semua tujuh daerah mencatatkan penurunan kes, malah tiada kes baharu direkodkan hari ini.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/575828/tiada-lagi-zon-merah-di-negeri-sembilan

Penemuan penting & isu:

1. Sepanjang tempoh PKP ini, SAINS tidak akan melakukan pemotongan bekalan air kepada pengguna bagi membantu meringankan beban rakyat. Bagaimanapun pengguna diingatkan agar segera melunaskan bayaran bil air masing-masing bagi mengelak beban tunggakan selepas tamat tempoh PKP. Kenyataan itu dikeluarkan susulan timbul keresahan segelintir bimbang dibebani dengan bil air tinggi semasa PKP dan kemungkinan berhadapan dengan pemotongan bekalan air.
2. Sebanyak sembilan individu dalam kalangan warga Nepal dan seorang warga Malaysia daripada kluster baharu tersebut. Saringan COVID-19 sudah dijalankan ke atas penghuni kediaman terbabit, pengawal dan anggota keselamatan di pusat membeli-belah berkenaan.
3. Gaji permulaan sebanyak RM1,400 berserta elau ditawarkan bagi gelandangan yang diterima bekerja untuk jawatan operator pengeluaran kilang. Mereka turut berpeluang bertugas sebagai pekerja am Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan gaji harian yang membolehkan mereka menerima kira-kira RM1,200 sebulan. KWP akan mewujudkan dana khas berjumlah RM1 juta bagi menjaga kebajikan golongan gelandangan di sekitar ibu kota.
4. Sejumlah 70.1 peratus responden berpendapat pakej rangsangan Prihatin berkesan kerana dapat mengurangkan beban kewangan manakala 9.1 peratus responden berpendapat ia berkesan sepenuhnya kerana dapat menghilangkan beban kewangan yang dihadapi ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
